Perkembangan Islam di Negeri China

(7)

Dalam makalah penutup ini, penulisnya Tuan Haji T.Y Ma, menggambarkan sejarah perjuangan umat Muslimin China menentang penindasan dan mempertahankan kesucian agama Islam – P.Q

Apakah Sikap Sebahagian Raja-raja Manchu Terhadap Kaum Muslimin?

Meskipun raja yang pertama mengingati rancangan-rancangan dari Ming Chiew Peng itu tetapi raja-raja yang menggantikan baginda tiada hendak mengikuti nasihat itu seratus persen, begitulah sekurang-kurangnya kelihatan keluar, sebahagian di antara mereka itu boleh jadi faham tentang keadaan-keadaan orang Islam China, akan tetapi kebanyakannya hanyalah mengikuti siyasah umum kerajaannya sahaja dan hanya memikirkan kebesaran kerajaannya sahaja. Raja-raja Kwangsi (1662-1723), Yongching (1723-1736) dan Che'en Long (1736-1796), bolehlah dikatakan sedikit tidak adil juga. Mereka itu semuanya menyalahkan kebanyakan dari laporan-laporan palsu yang telah diperbuat oleh gabenor-gabenor dari berbagai-bagai daerah. Tuduhan-tuduhan yang dilancarkan oleh gabenor-gabenor ini umumnya terdiri dari hal-hal sebagai berikut:

a) Orang-orang Islam mempunyai kalendarnya (takwimnya) sendiri

ba) Mereka membaca buku-buku yang kebanyakanya tidak dapat difahami oleh orang-orang China

th) Mereka bangun tiba-tiba ditengan malam buta dengan tujuan-tujuan yang ganjil.

tha) Mereka memakai pakaian tidaklah menurut pakaian adat istiadat kebangsaaan

j) Mereka mempunyai adat istiadat yang ganjil dan tidak dikenali atau masih asing lagi bagi orang-orang China

h) dan mereka itu membantah untuk beribadat dan menyembah kepada cakerawala, bumi, dewa-dewa dan iblis-iblis

Kesalahan orang-orang Islam

1) Mereka itu hanya sangat bangga atas asal usul dan keturunannya, hasil-hasil keislaman yang telah diperolehinya terhadap dunia dan China.

2) Mereka itu megahkan akan kebudayaannya dan biasanya menganggap orang-orang yang bukan Islam (setidak-tidaknya) kurang sopan

3) Mereka telah melupakan atau tidak menghiraukan lagi ajaran-ajaran Islam yang asli, mereka hanya bergaduh berkenaan hal-hal yang kecil tentang agama Islam dan mereka tidak hendak mempelajari ilmu sains, kerana mereka percaya dan yakin bahawa sudah cukuplah kalau sekiranya ada mempunyai Qur'an di tangan, meskipun

tidak faham berkenaan dengan ajaran-ajaran dan erti Quran itu.

Apakah sebabnya orang-orang Islam masih hidup di China setelah begitu banyak terjadi penyembelihan-penyembelihan atasnya?

1) Orang-orang Islam ada kedapatan keturunannya hampir di tiap-tiap sudut dari negeri China, dari sebelah yang paling utara dari Manchuria sehingga ke Pulau Hainan dan dari wilayah-wilayah pesisir Timur sehingga ke bahagian-bahagian yang paling Barat dari Xinjiang dan sampai juga ke dalam ibu kota Lhasa di Tibet. Mereka yang tidak tersentuh oleh peperangan-peperangan itu bekerja keras untuk mengukuhkan kepercayaan (iman) agama mereka. Bala besar itu memperbuat mereka bersatu dan bertekun sambil mengasingkan diri.

2) Bukti cinta orang-orang Islam itu kepada tanah airnya negeri China, terutama semasa penyerbuan-penyerbuan bangsa asing dalam tahun 1894 oleh Jepun dan tahun 1900 oleh delapan buah kuasa asing, telah ternyata dalam kesetiaan mereka mempertahankan tanah air, dan sebab itu kembali pulalah dihormati oleh orang-orang suku Han, istimewa oleh pemerhati waspada Dr Sun Yat Sen, bapa pemberontakan nasional; dalam tahun 1910. Dr Sun berkata: ((Orang-orang Islam di negeri China telah sangat banyak menerima penderitaan kerana tindasan dari kaum Manchu dan tidaklah pernah mereka itu berusaha untuk menyerah kalah kepada kaum Manchu sepanjang masa sebegitu lamanya dari dahulu itu; mereka itulah akan jadi tiang pertahanan yang sekukuh-kukuhnya dari pergerakan kebangsaan kita, seandainya kita dapat menyedarkan mereka dapat bekerjasama dengan mereka itu, maka merekalah patriot-patriot yang sejati.))

Senator al-Wantu[1] pemimpin kaum Muslimin Filipina telah melawat Persekutuan Tanah Melayu baharu-baharu ini. Gambar menunjukkan beliau sedang disambut oleh Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman Putera A-Haj di pejabatnya di Kuala Lumpur.

3) Setelah berdirinya Republik China, maka orang-orang Islam telah berusaha mempelajari bahasa Tionghua (yang mana hal ini mereka enggan melakukannya selama perjuangan-perjuangan mereka dahulu) dan mereka mengambil bahagian dalam banyak peristiwa-peristiwa nasional untuk kepentingan pemerintah. Seluruh rakyat Islam di negeri China serentak bangun memanggul senjata melawan penyerbuan Jepun dalam tahun 1936. Enam *percent* dari jumlah semua askar-askar ialah orang-orang Islam yang bertempur melawan penyerang-penyerang 30 orang jeneral dalam komando yang aktif dalam badan-badan penggempur China itu adalah terdiri dari orang-orang Islam, di antaranya termasuk Jeneral (sekarang Marshall) Omar Pai Chung Hsi sebagai kepala dari angkatan perang terbesar dan komander ini *chief* dari semua ketenteraan di dalam barisan perang.

Officer yang pertama yang mati terbunuh oleh orang-orang Jepun dalam tahun 1931 di kaki Gunung Shan Hai

[1] Tidak dapat disahkan ejaan sebenarnya

Kuan (Pintu Timur dari Tembok Besar Tiongkok) ialah seorang Islam. Beliau ialah Mejar An Teh Hsin, yang berkewajipan menjaga pintu itu dengan tentera-tenteranya. Ucapan-ucapannya: ((Kamu tidak boleh melalui pintu ini, selama saya dan orang-orang saya masih berdiri di sini)), sampai sekarang dikenang orang.

Siapakah orang-orang Islam di China itu?

1) Berkenaan dengan potongan badan, mereka itu, umumnya dan jika diambil perbandingan, dua inci lebih tinggi dari orang-orang suku Han yang biasa, hidung-hidung mereka tidak begitu pesek dan kulit-kulit badan mereka lebih putih.

2) Dalam hal pendidikan, mereka lebih terbelakang dari orang-orang Han, terutama semenjak kurun kedelapan belas sehingga permulaan republik, tetapi ini bukanlah bererti yang mereka kurang pandai atau bodoh malahan sebaliknya, mereka itu sangat pintar dalam segala hal selok-belok masyarakat jika mereka ada campur tangan di dalamnya. Hal ini boleh jadi disebabkan oleh kerana percampuran darah dalam badan mereka. Profesor-profesor, doktor-doktor, ahli-ahli fikir dan saudagar-saudagar terdapat di antara mereka itulah selama republik ditegakkan. Tentang kesanggupan mereka itu menjadi tentera yang cekap tak perlulah lagi saya kemukakan.

3) Dalam hal semangat dan kekerasan hati, bolehlah dikatakan yang mereka itu keras kepala dan pada umumnya mereka menolak segala cita-cita dan ciptaan yang baharu. Maka memang sangatlah sukarnya untuk memasukkan sesuatu cita-cita yang baharu ke dalam jiwa orang-orang Islam, dan sebaliknya pula, kalau telah diterima oleh mereka itu, sangatlah sukarnya pula untuk meninggalkan buah fikiran itu dari jiwa mereka.

Shaykh Abdul al-Rahman Shabli Sarawak

Shaykh Haji di Makkah al-Mukarramah

(Telegram: Shabli Mekah) (Peti surat nombor 188)

Sedia menyambut dan menjaga segala urusan saudara-saudara di Mekah, di Madinah, di Arafah dan di Mina dengan sepenuh-penuh puas hati. Tambang dan apa-apa perbelanjaan menurut apa yang ditetapkan oleh kerajaan Saudi Arabiah, yang sentiasa memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian saudara yang mengunjungi Tanah Suci, yang sedia teratur perhubungan secara *modern* dengan belanja yang murah.

Bershaykhlah dengan Shaykh Shabli yang berdekatan dengan Masjid al-Harām.

Berhubunglah dengan wakil kita:

S. AHMAD MUSTAPHA AL-EDRUS,

d/a 356/358, Geylang Road, Singapore 14.